



12 Malaysian Schools Awarded for Pioneering Mental Health Innovations Amid Children's Mental Health Crisis in Malaysia

- MINDSHIFT Programme sponsored by Yayasan Hasanah and implemented by LeapEd Empowers 198 Teachers, Reaches 35,000 Students, and Catalyzed Development of Grassroots Mental Health Solutions Across 71 Schools

Kuala Lumpur, July 21 — Twelve schools from Melaka, Negeri Sembilan, and Terengganu have been named winners of the grassroots mental health transformation MINDSHIFT Competition, jointly delivered by LeapEd Services and Yayasan Hasanah to tackle the rising mental health crisis amongst Malaysian children.

The schools were awarded a total of RM11,400 in prize money in recognition of their innovative, data-driven student wellbeing interventions.

The winning schools include :

- Terengganu : SMK Kuala Jenderis, SK Sura, SMK Kijal, SK Bukit Payong
- Melaka : SK Air Baruk, SMK Paya Rumpit, SMK Bukit Baru, SK Tun Syed Ahmad Shahabudin
- Negeri Sembilan : SK Pelangai, SK Sungala, SK Lavender Heights, SK Kampung Sawah

Real Impact Starts in Schools: Measurable Change, Powerful Results

In **Terengganu**, **SMK Kuala Jenderis'** “**Juggek D'Bamboo**”, which won the top prize, blended traditional music and natural elements to create a bamboo-based *healing space* where students could recharge both emotionally and physically. The awareness of the link between exercise and mental health jumped from **23% to 96%**, and there was a **5% increase** in students reporting that they felt happier coming to school.

Melaka's top school was SK Air Baruk's “Let's Move It” initiative—an energetic, student-led programme that transformed morning assemblies and classroom sessions into upbeat dance and aerobic workouts for the whole school. The results were striking: student understanding of the link between physical activity and mental health soared in just **five months**, from **68.42% in August 2024 to 97.12% by January 2025**, marking a powerful cultural shift across the school.

In **Negeri Sembilan**, **SK Pelangai's** top prize-winning innovation was a student-led daily aerobic exercise programme named “Fun SPeI” aimed at tackling absenteeism. Following its implementation, school attendance improved significantly—from **88% to 92%**.



LeapEd Services Sdn Bhd's Managing Director, Nina Adlan Disney said, "These schools have demonstrated that whole school interventions improve well-being, strengthen resilience, and ensure educational equity. MINDSHIFT is a scalable model of how transformational social impact can be catalysed—school by school, child by child," added Nina Disney, Managing Director, LeapEd.

"With continued investment from impact-focused partners like Yayasan Hasanah, MINDSHIFT could expand into a scalable national model for early mental health intervention across Malaysian schools," she added

The MINDSHIFT Competition marked the culmination of the 15-month MINDSHIFT programme (April 2024 – July 2025) that empowered 71 schools selected by State Education Departments (JPN) and District Education Offices (PPD), and trained 198 teachers through workshops—including Senior Assistants for Student Affairs (PK HEMs), school counsellors, and key teaching staff to transform mental health and impacted more than 35,000 students.

Three workshops were conducted to strengthen teachers' mental health literacy, raise legal awareness around child protection, and build their capacity to design context-specific health interventions.

A Nation in Crisis: From Awareness to Action

The MINDSHIFT programme was developed as an urgent solution to Malaysia's alarming children's mental health emergency.

According to the quadrennial National Health and Morbidity Survey (NHMS), in 2023:

- 1 in 6 children in Malaysia experiences mental health challenges
- Mental health prevalence has doubled since 2019
- 46% of students face peer-related problems such as bullying, social isolation, or emotional withdrawal

(Source: [NHMS 2023 Key Findings](#))

Dr Nur Anuar Bin Abdul Muthalib, Education Senior Director at Yayasan Hasanah, which funded the programme, said, "Based on the Department of Statistics Malaysia's data, there are over 5.2 million students in our primary and secondary schools. If 1 in 6 of them are experiencing mental health challenges—it could mean that almost 1 million Malaysian children are facing distress today."

"Addressing this crisis is not just a moral obligation—it is an economic, social, and national imperative. It directly aligns with Yayasan Hasanah's mission to catalyse large-scale social impact and build a more inclusive, resilient, and progressive Malaysia. The consequences of inaction are well-documented: untreated childhood mental health issues lead to lower lifetime earnings, higher unemployment rates, and widening cycles of inequality. Early intervention—particularly through schools—is not only effective, it is essential to safeguarding our nation's future."



Initial findings from the MINDSHIFT programme highlight the potential to affect transformation:

- **80%** increase in teacher awareness of holistic wellbeing (sleep, nutrition, emotional regulation, etc.)
- **60%** of teachers now co-create wellbeing strategies with students
- **62%** report high confidence in designing personalised interventions
- Student feedback from 380 participants shows higher school connectedness, emotional literacy, and willingness to seek help

Global research supports the urgency of developing solutions. The World Mental Health Surveys and OECD data show that early-onset mental disorders can lower adult income by up to 33%, with women disproportionately affected. The projected global cost of mental illness is set to surpass USD 6 trillion by 2030, reinforcing the need for prevention and systemic support at scale.

(Source: [PubMed](#); [NIH](#))

For more information on LeapEd Services Sdn Bhd, please log on to : www.leapedservices.com.

About LeapEd Services Sdn Bhd

LeapEd Services Sdn Bhd is Malaysia's first homegrown education service provider and an award-winning certified social enterprise. Since 2010, LeapEd has partnered with the Ministry of Education and leading social impact Foundations to implement transformative education models that build student resilience, 21st-century skills, and inclusive school ecosystems. Programmes under LeapEd's portfolio have impacted almost 300,000 students, over 15,000 teachers, and almost 2000 schools across 15 states in Malaysia.

Learn more at www.leapedservices.com

12 Sekolah Malaysia Dinobatkan sebagai Pemenang Perintis Inovasi Kesihatan Mental Ketika Krisis Kesihatan Mental Melanda Kanak-Kanak di Malaysia

- Program MINDSHIFT, yang ditaja oleh Yayasan Hasanah dan dilaksanakan oleh LeapEd telah Memperkasakan 198 Guru, Memberi manfaat kepada

35,000 murid dan Memacu Pembangunan Penyelesaian Kesihatan Mental di 71 buah Sekolah

Kuala Lumpur, 21 Julai — Dua belas buah sekolah dari Melaka, Negeri Sembilan dan Terengganu telah dinobatkan sebagai pemenang Pertandingan Transformasi Kesihatan Mental, MINDSHIFT, yang dilaksanakan oleh LeapEd Services dan ditaja oleh Yayasan Hasanah untuk menangani krisis kesihatan mental yang semakin berleluasa dalam kalangan kanak-kanak di Malaysia.

Sekolah-sekolah ini telah dianugerahi hadiah berupa wang tunai dengan jumlah keseluruhan RM11,400 sebagai mengiktiraf inovasi mereka terhadap intervensi kesejahteraan murid yang berasaskan data.

Pemenang bagi sekolah-sekolah ini adalah:

- Terengganu : SMK Kuala Jenderis, SK Sura, SMK Kijal, SK Bukit Payong
- Melaka : SK Air Baruk, SMK Paya Rumput, SMK Bukit Baru, SK Tun Syed Ahmad Shahabudin
- Negeri Sembilan : SK Pelangai, SK Sungala, SK Lavender Heights, SK Kampung Sawah

Impak Sebenar Bermula di Sekolah: Perubahan Yang Terukur, Keberhasilan Yang Mampan

Di **Terengganu**, projek “**Juggek D’Bamboo**” oleh **SMK Kuala Jenderis** yang memenangi hadiah utama dengan menggabungkan muzik tradisional dan elemen alam semula jadi telah mewujudkan ruang pemulihan berasaskan buluh untuk murid memulihkan kesejahteraan emosi dan fizikal mereka. Kesedaran tentang hubungan kait antara senaman dan kesihatan mental meningkat daripada **23% kepada 96%**, dan terdapat **peningkatan sebanyak 5%** dalam kalangan murid yang menyatakan bahawa, mereka berasa lebih gembira untuk hadir ke sekolah.

Di **Melaka**, **SK Air Baruk** dinobatkan sebagai pemenang dengan inisiatif “**Let’s Move It**” — satu program yang diterajui oleh murid, yang telah mentransformasikan perhimpunan pagi dan sesi kelas menjadi aktiviti menari dan senam robik yang menyeronokkan buat seluruh warga sekolah. Dengan keberhasilan yang memberangsangkan, pemahaman murid tentang hubungan kait antara aktiviti fizikal dan kesihatan mental melonjak dalam masa **lima bulan sahaja**, daripada **68.42% pada Ogos 2024 kepada 97.12% menjelang Januari 2025** — satu anjakan budaya yang sangat ketara di peringkat sekolah.

Di **Negeri Sembilan**, inovasi yang memenangi hadiah utama adalah **SK Pelangai** yang melaksanakan program “**Fun SPel**”, iaitu program senam robik harian yang diterajui oleh murid, bertujuan untuk menangani isu ketidakhadiran. Selepas pelaksanaannya, kehadiran murid meningkat dengan ketara — **daripada 88% kepada 92%**.

Pengarah Urusan LeapEd Services Sdn Bhd, Nina Adlan Disney berkata, “Sekolah-sekolah ini telah membuktikan bahawa intervensi keseluruhan sekolah dapat menambah baik kesejahteraan, memantapkan daya tahan, dan memastikan kesaksamaan pendidikan. MINDSHIFT adalah model tentang bagaimana impak sosial transformasi boleh menjadi pemangkin – antara sekolah dengan sekolah, kanak-kanak dengan kanak-kanak,” tambah Nina Disney, Pengarah Urusan, LeapEd.

Tambah beliau lagi, “Dengan pelaburan berterusan daripada rakan kongsi yang berfokuskan impak seperti Yayasan Hasanah, MINDSHIFT dapat diperluaskan menjadi model kebangsaan sebagai intervensi awal kesihatan mental di peringkat sekolah di seluruh negara.”

Pertandingan MINDSHIFT merupakan acara kemuncak bagi program MINDSHIFT yang dilaksanakan selama 15 bulan (April 2024 – Julai 2025) bagi memperkasakan 71 buah sekolah yang dipilih oleh Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) dan Pegawai Pendidikan Daerah (PPD), dengan bengkel latihan kepada 198 guru yang melibatkan Penolong Kanan Hal Ehwal Murid (PK HEM), kaunselor sekolah, dan kakitangan pengajar untuk mentransformasikan kesihatan mental yang telah memberi impak kepada 35,000 orang murid.

Tiga buah bengkel telah dijalankan bagi memantapkan literasi kesihatan mental guru, meningkatkan kesedaran tentang perlindungan kanak-kanak, dan membina kapasiti mereka untuk merangka intervensi berfokuskan kesihatan berdasarkan konteks.

Krisis Negara: Daripada Kesedaran kepada Tindakan

Program MINDSHIFT dibangunkan sebagai penyelesaian tangkas bagi masalah kesihatan mental kanak-kanak di Malaysia yang semakin membimbangkan.

Menurut Tinjauan Kesihatan dan Morbiditi Kebangsaan (NHMS) empat tahun sekali, pada 2023:

- 1 daripada 6 kanak-kanak di Malaysia mengalami masalah kesihatan mental
- Kadar prevalens kesihatan mental meningkat dua kali ganda semenjak tahun 2019
- 46% murid mengalami masalah yang berkaitan dengan rakan sebaya seperti buli, pemencilan sosial dan pengasingan emosi

(Sumber: [NHMS 2023 Key Findings](#))

Dr Nur Anuar Bin Dr Nur Anuar Bin Abdul Muthalib, Pengarah Kanan Pendidikan Yayasan Hasanah, yang menaja program ini berkata, “Berdasarkan data Jabatan Perangkaan Malaysia, terdapat lebih 5.2 juta murid di sekolah rendah dan menengah. Jika 1 daripada 6 daripada mereka mengalami cabaran kesihatan mental— bermakna hampir 1 juta kanak-kanak Malaysia menghadapi cabaran ini.”

"Menangani krisis ini bukan sekadar kewajipan moral—ia adalah kewajipan ekonomi, sosial dan negara. Ia secara langsung selaras dengan misi Yayasan Hasanah sebagai pemangkin impak sosial berskala besar dalam membina Malaysia yang lebih inklusif, berdaya tahan dan progresif. Akibat terhadap tindakan yang tidak diambil telah didokumentasikan dengan baik: masalah kesihatan mental kanak-kanak yang tidak dirawat membawa kepada kadar pendapatan yang lebih rendah dan kadar pengangguran yang lebih tinggi, serta memperluaskan kitaran ketaksamaan. Intervensi awal—terutamanya di sekolah—bukan sahaja berkesan, ia juga penting untuk melindungi masa depan negara kita.”

Hasil dapatan awal program MINDSHIFT menekankan potensi untuk mempengaruhi transformasi:

- Kesedaran guru tentang kesejahteraan holistik (tidur, nutrisi, aturan emosi, dsb.) meningkat sebanyak **80%**
- Kini, **60%** guru menghasilkan strategi kesejahteraan bersama-sama dengan murid
- **62%** melaporkan bahawa mereka lebih yakin dalam mereka bentuk intervensi khusus
- Maklum balas murid daripada 380 peserta menunjukkan keterkaitan yang lebih tinggi dengan sekolah, celik emosi dan kesediaan untuk mendapatkan bantuan

Kajian di peringkat global menyokong keperluan segera untuk membangunkan penyelesaian. Tinjauan Kesihatan Mental Sedunia dan data OECD menunjukkan bahawa, gangguan awal mental boleh menurunkan pendapatan orang dewasa sehingga 33%, serta memberi kesan yang tidak seimbang kepada wanita. Unjuran kos penyakit mental di peringkat global dijangka melepasi USD 6 trilion menjelang 2030, memperkukuhkan lagi keperluan untuk pencegahan dan sokongan sistemik. (Sumber: [PubMed](#); [NIH](#))



Sila layari www.leapedservices.com untuk mengetahui dengan lebih lanjut tentang LeapEd Services Sdn Bhd.

Tentang LeapEd Services Sdn Bhd

LeapEd Services Sdn Bhd adalah sebuah penyedia perkhidmatan pendidikan tempatan yang pertama di Malaysia, yang diiktiraf. Sejak 2010, LeapEd telah bekerjasama dengan Kementerian Pendidikan dan menerajui Yayasan impak sosial bagi melaksanakan model pendidikan transformatif yang membangunkan daya tahan murid, kemahiran abad ke-21 dan keterangkuman ekosistem sekolah. Program di bawah portfolio LeapEd telah memberi impak kepada hampir 300,000 murid, lebih 15,000 guru, dan hampir 2000 sekolah di 15 negeri di Malaysia. Sila layari www.leapedservices.com untuk maklumat lanjut.